

**IDENTIFIKASI DAN KEDUDUKAN
MASYARAKAT MELAYU BRUNEI DI SABAH,
1891-2020.**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MAIZATUL IZZAH BINTI ROSLEY

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**IDENTIFIKASI DAN KEDUDUKAN
MASYARAKAT MELAYU BRUNEI DI SABAH,
1891-2020.**

MAIZATUL IZZAH BINTI ROSLEY



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **IDENTIFIKASI DAN KEDUDUKAN MASYARAKAT MELAYU
BRUNEI DI SABAH, 1891-2020.**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **MAIZATUL IZZAH BINTI ROSLEY**, Sesi **2020-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)




TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,


ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MAIZATUL IZZAH BINTI ROSLEY
MA2011048T

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 30 Ogos 2023

(Dr. Dg. Junaidah binti Awang Jambol)
Penyelia


PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Ijazah Sarjana Sastera ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.



03 Julai 2023

Maizatul Izzah binti Rosley
MA2011048T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MAIZATUL IZZAH BINTI ROSLEY**

NO. MATRIK : **MA2011048T**

TAJUK : **IDENTIFIKASI DAN KEDUDUKAN MASYARAKAT
MELAYU BRUNEI DI SABAH, 1891-2020.**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **SEJARAH**

TARIKH VIVA : **03 JULAI 2023**



DISAHKAN OLEH;
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Tandatangan

PENYELIA

Dr. Dg Junaidah binti Awang Jambol

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur sekali ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat, kasih sayang dan dengan kurnianya kajian dan penulisan Tesis Ijazah Sarjana Sastera ini dapat disiapkan. Tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Dr. Dg Junaidah binti Awang Jambol yang bertanggungjawab menjadi penyelia saya sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Saya amat terhutang budi kepada beliau kerana memberikan bimbingan, dorongan, dan teguran yang membina dalam usaha untuk menyiapkan tesis ini dengan baik. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kakitangan Arkib Negeri Sabah, Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah, Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS), Pusat Sejarah Brunei Darussalam, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Kota Kinabalu, dan Perpustakaan Tun Fuad Stephens kerana banyak membantu saya dalam mencari rujukan sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Mohd Ariffin bin Mohd Ariff, Datuk Yusoff bin Hj Kassim dan para informen yang telah sudi meluangkan masa untuk ditemubual bagi melengkapkan lagi maklumat yang diperlukan dalam menyiapkan tesis ini. Sejambak penghargaan dan terima kasih juga turut diucapkan kepada ibu bapa saya iaitu Rosley bin Kassim dan Hatimah Ag. Damit serta adik-beradik saya yang menyokong saya tanpa jemu dan memberi bantuan sepanjang penyelidikan berjalan. Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya khususnya Mohammad bin Mustari, Nur Liyana binti Juri, Sheron Malanting dan rakan-rakan seperjuangan yang lain kerana membantu saya dalam menjayakan kajian ini.

Maizatul Izzah binti Rosley
03 Julai 2023

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai identiti dan kedudukan masyarakat Melayu Brunei di Sabah yang diletakkan di bawah kategori bumiputera lain dalam penerbitan laporan banci. Penulisan ini menerangkan sejarah kedatangan masyarakat Melayu Brunei yang berhijrah ke Borneo Utara sejak penaklukan Kesultanan Brunei dan penghijrahan tersebut berlanjutan sehingga kedatangan kuasa asing iaitu British ke Borneo Utara dengan penjenamaan semula nama Borneo kepada Sabah. Kajian ini banyak merujuk sumber di Arkib Negeri Sabah kemudian menggunakan kajian perpustakaan. Menerusi kajian ini juga, pengkaji menjalankan kaedah lisan untuk menemubual beberapa informen. Identifikasi masyarakat Melayu Brunei di Sabah adalah berbeza dengan masyarakat Melayu Brunei di Brunei Darussalam. Masyarakat Melayu Brunei telah mengalami proses asimilasi yang berpanjangan dengan peribumi lain. Namun terdapat pihak yang menganggap masyarakat ini adalah imigran antarabangsa sehingga layak untuk dikategorikan di bawah bumiputera lain. Sepanjang penjajahan *British North Borneo Chartered Company* (BNBC), istilah Melayu Brunei masih lagi berdiri sendiri dan tercatat dalam rekod banci mengikut kumpulan etnik setaraf dengan kaum tempatan yang lain seperti Bajau, Kadazan, Dusun dan Murut yang terdapat di Sabah. Namun, selepas berlakunya peralihan kuasa kepada kerajaan Malaysia, kaum-kaum di Sabah telah diselaraskan semula dan Melayu Brunei dimasukkan di bawah bumiputera lain seperti yang dinyatakan dalam rekod banci tahun 1961 hingga tahun 2020. Perubahan ini telah menjadi isu dan kekeliruan kepada masyarakat Melayu Brunei. Oleh hal demikian, segala perubahan kedudukan kaum Melayu Brunei dalam laporan banci boleh dilihat dan begitu juga dengan reaksi daripada masyarakat tempatan berkaitan isu Melayu Brunei sebagai bumiputera lain di Sabah akan dibincangkan dalam penulisan ini. Faktor utama yang menjadi punca Melayu Brunei diistilahkan sebagai bumiputera lain pastinya dijelaskan dalam kajian ini agar permasalahan kajian dapat diselesaikan. Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan bagi kajian masa hadapan khususnya mereka yang menjalankan penyelidikan berkaitan kaum Melayu Brunei di Sabah.

Kata Kunci: Melayu Brunei, identifikasi, kedudukan, Sabah.

ABSTRACT

IDENTIFICATION AND POSITION OF THE BRUNEI MALAY COMMUNITY IN SABAH, 1891-2020

This study is about the identity and position of the Bruneian Malay community in Sabah which is categorized under the other natives category in the census report. This writing explains the history of the arrival of the Bruneian Malay community who migrated to North Borneo since the conquest of the Sultanate of Brunei and the migration continued until the arrival of colony, the British, to North Borneo with the rebranding of Borneo's name to Sabah. This study refers a lot to sources in the Sabah State Archives and then uses library research. Through this study, the researcher conducted an oral method to interview several informants. The identification of the Bruneian Malay community in Sabah is different from the Bruneian Malay community in Brunei Darussalam. Brunei's Malay community has experienced a long process of assimilation with indigenous in Sabah. However, there are parties who consider this community to be international immigrants and thus deserve to be categorized under other natives in census report. Throughout the British North Borneo Chartered Company (BNBC) colonization, the term Malay Brunei still stood alone and was recorded in census records according to ethnic groups on a par with other local races such as Bajau, Kadazan, Dusun and Murut found in Sabah. However, after Sabah became independent by participating in the formation of Malaysia, the races in Sabah were re-aligned and Brunei Malays were included under other natives as stated in the census records from 1961 to 2020. This change has become an issue and confusion for the Brunei Malay community. Therefore, all the changes in the position of Brunei Malays in the census report can be seen and likewise the reactions from the local community regarding the issue of Brunei Malays as other natives in Sabah will be discussed in this writing. The main factor that causes Brunei Malays to be termed as other natives must be explained in this study so that the research problem can be solved. Finally, it is hoped that this study can be used as a reference for future studies, especially for those who conduct research related to Bruneian Malays in Sabah.

Key Words: Melayu Brunei, identification, position, Sabah.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv
SENARAI SIMBOL	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Kaedah Kajian	5
1.5 Sorotan Literatur	6
1.6 Kepentingan Kajian	18
1.7 Skop Kajian	19

1.8	Pembahagian Bab	19
1.9	Kesimpulan	20

**BAB 2: ASAL USUL DAN IDENTIFIKASI MASYARAKAT
MELAYU BRUNEI DI SABAH**

2.1	Pengenalan	22
2.2	Istilah Melayu Brunei	22
2.3	Sejarah Pemerintahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara	25
2.3.1	Politik	26
2.3.2	Sosial	34
2.3.3	Ekonomi	39
2.4	Migrasi Masyarakat Melayu Brunei Ke Sabah	43
2.5	Fasa Peralihan Pemerintahan Kesultanan Brunei Kepada Kuasa Barat	49
2.6	Kesimpulan	53

**BAB 3: IDENTIFIKASI MASYARAKAT MELAYU BRUNEI
DI SABAH**

3.1	Pengenalan	55
3.2	Konsep Identifikasi	56
3.3	Identifikasi Masyarakat Melayu Brunei di Sabah	59
3.3.1	Ciri-ciri Umum Masyarakat Melayu Brunei	59
3.3.2	Makanan Tradisional Masyarakat Melayu Brunei di Sabah	61
3.3.3	Dialek Masyarakat Melayu Brunei di Sabah	68
3.3.4	Alat Muzik Tradisional	71
3.4	Perbezaan Identifikasi Masyarakat Melayu Brunei di Sabah dan Masyarakat Melayu Brunei di Brunei Darussalam	74
3.4.1	Dialek	74
3.4.2	Adat Istiadat dan Upacara Perkahwinan	77

3.5	Kesimpulan	88
-----	------------	----


BAB 4: KEDUDUKAN MASYARAKAT MELAYU BRUNEI DI SABAH

4.1	Pengenalan	89
4.2	Konsep Peribumi di Sabah	89
4.3	Kedudukan Masyarakat Melayu Brunei di Borneo Utara Sebelum Merdeka	90
4.4	Kedudukan Masyarakat Melayu Brunei Selepas Merdeka	95
4.5	Jabatan Perangkaan Malaysia	102
4.5.1	Proses Pra dan Semasa Bancian	104
4.5.2	Proses Pasca Bancian dan Unit Khas Banci	105
4.6	Kesimpulan	106

BAB 5: ISU, CABARAN DAN REAKSI MASYARAKAT

5.1	Pengenalan	108
5.2	Isu dan Cabaran Penerbitan Laporan Banci Tahun 1960 dan 1963.	109
5.2.1	Perspektif Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah Terhadap Kedudukan Melayu Brunei di dalam Kategori Bumiputera Lain-lain.	109
5.2.2	Cabarannya untuk Mengangkat Istilah Kaum Melayu Brunei dalam Laporan Banci.	110
5.3	Reaksi Masyarakat Melayu Brunei	113
5.4	Reaksi Masyarakat Peribumi Lain Terhadap Masyarakat Melayu Brunei di Sabah.	121
5.5	Kesimpulan	126

BAB 6: KESIMPULAN	127
BIBLIOGRAFI	142
LAMPIRAN	153




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Sistem Pembahagian Wilayah Kesultanan Brunei di Borneo Utara	29
Jadual 3.1 : Penggunaan Bahasa Melayu Brunei di Sabah	68
Jadual 3.2 : Dialek Masyarakat Melayu Brunei di Sabah	70
Jadual 3.3 : Dialek Masyarakat Melayu Brunei di Sabah	70
Jadual 3.4 : Perbezaan Kata di antara Dialek Melayu Brunei di Sabah dan Dialek Melayu Brunei Darussalam Mengikut Ciri-ciri Tertentu.	76
Jadual 3.5 : Perbezaan Adat Perkahwinan Maasyarakat Melayu Brunei di Sabah dan Masyarakat Melayu Brunei di Brunei Darussalam.	87
Jadual 4.1 : Banci Penduduk Sabah Berdasarkan Suku Kaum antara Tahun 1891-1931.	92
Jadual 4.2 : Komposisi Penduduk Peribumi di Borneo Utara pada Tahun 1951.	94
Jadual 4.3 : Komposisi Penduduk Peribumi di Borneo Utara pada Tahun 1960 Rekod Simpanan di Arkib Negeri Sabah.	95
Jadual 4.4 : Populasi Komuniti di Sabah Tahun 1960 Simpanan Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah.	96
Jadual 4.5 : Rekod Banci Populasi Penduduk di Sabah pada Tahun 1970.	98
Jadual 4.6 : Rekod Banci Populasi Penduduk di Sabah pada Tahun 1980.	99
Jadual 4.7 : Rekod Banci Populasi Penduduk di Sabah pada Tahun 1990.	99
Jadual 4.8 : Rekod Banci Populasi Penduduk di Sabah pada Tahun 2000.	100

Jadual 4.9	:	Rekod Banci Populasi Penduduk di Sabah pada Tahun 2020.	101
Jadual 5.1	:	Tahap Kearifan Masyarakat Melayu Brunei Terhadap Laporan Banci Penduduk Sabah.	114




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman


Rajah 2.1 : Sistem Sosial Kesultanan Brunei 34



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR


	Halaman
Gambar 3.1 : Kuih Kelupis	62
Gambar 3.2 : Kuih Jelurut	63
Gambar 3.3 : Kuih Tilapam	64
Gambar 3.4 : Kuih Bikang	65
Gambar 3.5 : Tapai Nasi	66
Gambar 3.6 : Alat Muzik Gambus	73
Gambar 3.7 : Kain Jong Sarat	82
Gambar 4.1 : Sampel Borang Soal Selidik Banci Penduduk dan Perumahan Tahun 2010.	104



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SIMBOL

% - Peratus



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

EMS	-	Sistem Pengurusan Alam Sekitar
BNBC	-	British North Borneo Chatered Company
CATI	-	Computer-Assisted Telephone Interview
DBMBS	-	Dialek Bahasa Melayu Brunei Standard
DMB	-	Dialek Melayu Brunei
DOPU	-	<i>Drop-Off and Pick-Up</i>
DOSM	-	Department of Statistic Malaysia
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
HJ.	-	Hajji
HLM	-	Halaman
JK	-	Jawatankuasa
JPB	-	Jawatankuasa Pemabndu Banci
JUB	-	Jawatankuasa Utama Banci
KAN	-	Ketua Anak Negeri
KDCA	-	Kadazandusun Culture Association
O.K.K	-	Orang Kaya Kaya
PAPI	-	Paper and Pen Interview
PBSS	-	Persatuan Bajau Sama Sabah
PMBS	-	Persatuan Masyarakat Brunei Sabah
S.W.T	-	Subhanahu Wa Ta'ala
UBD	-	Universiti Brunei Darussalam
UITM	-	Universiti Teknologi Mara
UPKO	-	Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu
USNO	-	United Sabah National Organisation



SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Sesi Temubual Pengkaji Bersama Jabatan Perangkaan Malaysia Peringkat Negeri Sabah.	153
Lampiran B : Sesi Temubual Pengkaji Bersama Penduduk Kampung Lingkungan, Beaufort.	154
Lampiran C : Sesi Temubual Pengkaji Bersama Masyarakat Peribumi Sabah di Papar	155
Lampiran D : Sesi Temubual Pengkaji Bersama Presiden Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) Merangkap Menteri di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Kerajaan Negeri Sabah.	156
Lampiran E : Sesi Temubual Pengkaji Bersama Bekas Presiden Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS)	157
Lampiran F : Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Mengikut Kumpulan Etnik, Daerah Pentadbiran Negeri Sabah Tahun 2010.	158
Lampiran G : Laporan Banci Terbitan BNBC dan Kolonial British pada Tahun 1921, 1931, 1951 dan 1960.	159

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat Melayu Brunei di Sabah merupakan kaum yang tersenarai dalam kategori kaum peribumi minoriti. Selain gelaran Melayu Brunei, penduduk tempatan di Sabah juga mengenali mereka sebagai kaum Brunei. Berdasarkan kepada pandangan sejarawan Brunei iaitu Pehin Jamil Al-Sufri, istilah yang digunakan bagi merujuk masyarakat Melayu Brunei di Sabah ialah Brunei Sabah.¹ Dalam klasifikasi kaum yang digunakan oleh negara Brunei Darussalam, istilah Melayu Brunei merupakan satu kaum khusus merujuk kepada tujuh kumpulan masyarakat yang dikategorikan sebagai Puak Jati iaitu Melayu, Belait, Tutong, Bisaya, Dusun, Kedayan dan Murut.

Pada peringkat awal kedatangan Melayu Brunei ke Sabah, mereka telah menetap di beberapa kawasan Sabah iaitu Sungai Papar, Sungai Bongawan, Sungai Kimanis, Sungai Membakut dan Sungai Tuaran. Secara umumnya, pola penempatan masyarakat Melayu Brunei adalah secara berkelompok bermula dari kawasan Papar sehingga ke Sipitang. Walau bagaimanapun, terdapat juga sekumpulan kecil masyarakat Melayu Brunei ini yang menduduki kawasan pantai timur Sabah seperti di kawasan Sandakan dan Beluran.

Perlu difahami bahawa masyarakat Melayu Brunei merupakan kaum yang telah lama berada di Sabah sejak dari zaman pemerintahan Kesultanan Brunei lagi dan masyarakat ini juga turut diiktiraf sebagai kaum asal yang menjadi sebahagian

¹ Bilcher Bala, Satu Migrasi Masyarakat Melayu Brunei ke Sabah, *Seminar Sejarah Borneo Ke-2*, Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 2006, hlm. 46.

dari masyarakat peribumi di Sabah. Meskipun begitu, terdapat beberapa isu berkaitan dengan kedudukan Melayu Brunei di dalam rekod banci penduduk dan perumahan negeri Sabah yang didapati telah mengalami perubahan ekoran daripada kewujudan istilah serta kategori baharu iaitu bumiputera lain-lain di dalam rekod banci penduduk Sabah selepas merdeka. Dalam hal ini, masyarakat Melayu Brunei telah dikategorikan di dalam kelompok kaum bumiputera lain-lain bersama dengan kaum minoriti lain yang terdapat di Sabah seperti kaum Kedayan, Sungai, Tidong, Suluk, Bisayah dan lain-lain.

Situasi ini secara tidak langsung telah memberi kekeliruan dan salah faham bukan sahaja kepada masyarakat lokal tetapi juga memberi impak kepada penerimaan institusi pendidikan terhadap status kedudukan Melayu Brunei di Sabah. Justeru itu, kajian ini cuba untuk membincangkan tentang identifikasi dan kedudukan masyarakat Melayu Brunei di Sabah sebagai salah satu usaha untuk mengembalikan semula pengkategorian tunggal Melayu Brunei di dalam rekod banci penduduk Sabah seperti mana yang telah direkodkan sebelum Sabah merdeka. Kajian ini juga akan turut menjelaskan secara holistik kepelbagaian perspektif masyarakat terhadap identifikasi dan kedudukan masyarakat Melayu Brunei di Sabah.

1.2 Permasalahan Kajian

Selepas Sabah merdeka, struktur pengelasan kaum peribumi di dalam rekod banci penduduk Sabah telah berubah. Rekod banci ini telah dilaksanakan setiap sepuluh tahun dengan beberapa kategori baharu iaitu bumiputera Sabah, bumiputera lain, warganegara dan bukan warganegara Malaysia. Perlu diketahui bahawa sebelum Sabah merdeka, perekodan banci penduduk adalah berdasarkan kepada pengkategorian mengikut kaum tanpa mewujudkan sebarang bentuk pengelasan. Dalam hal ini, kaum Melayu Brunei juga telah disenaraikan di dalam kategori tunggal yang berdiri sendiri tanpa sebarang bentuk pengelasan atau penggabungan dengan kaum-kaum lain. Namun begitu, setelah penstrukturkan semula kaum dilakukan pada tahun 1963, kedudukan Melayu Brunei telah diletakkan di bawah

kategori baharu iaitu bumiputera lain-lain. Perubahan ini telah menimbulkan pelbagai perspektif terhadap identifikasi dan kedudukan masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Situasi ini juga menyebabkan wujudnya pelbagai persoalan berkaitan dengan identiti, isu dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu Brunei dalam memperjuangkan kedudukan mereka supaya mempunyai kedudukan tunggal di dalam rekod binci penduduk Sabah.

Daripada pernyataan tersebut, maka empat persoalan telah dibentuk iaitu pertama bagaimakah kedatangan masyarakat Melayu Brunei ke Borneo Utara sehingga membentuk satu identiti kaum yang dikenali sebagai Melayu Brunei sama seperti Melayu Brunei di negara Brunei Darussalam. Persoalan ini akan cuba mencari jawapan menerusi sejarah pemerintahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara dalam aspek ekonomi, politik dan sosial dan sekaligus menjelaskan perkaitan pemerintahannya dengan faktor migrasi masyarakat ini ke Borneo Utara. Persoalan ini juga dibentuk bagi menjelaskan kedudukan masyarakat Melayu Brunei di Sabah bagi mengesahkan status bumiputera sekaligus memurnikan tanggapan pelbagai terhadap masyarakat Melayu Brunei.

Persoalan kedua ialah apakah ciri-ciri khusus yang membentuk identifikasi masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Persoalan ini akan cuba merungkaikan konsep identifikasi dengan menghubungkaitkannya dengan identifikasi masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Jawapan kepada persoalan ini juga akan dapat menjelaskan perbezaan di antara masyarakat Melayu Brunei di Sabah dengan masyarakat Brunei di negara Brunei Darussalam. Persoalan ketiga ialah mengapakah berlakunya perubahan kedudukan Melayu Brunei di dalam rekod binci penduduk selepas Sabah merdeka. Kedudukan kaum Melayu Brunei di dalam rekod binci penduduk telah mengalami perubahan pengkatagorian selepas wujudnya pengelasan baharu iaitu bumiputera lain-lain. Namun begitu, sebelum Sabah merdeka masyarakat Melayu Brunei berada dalam kategori tunggal di dalam rekod binci penduduk di Borneo Utara.

Persoalan keempat, ialah apakah isu, cabaran dan reaksi masyarakat Melayu Brunei serta masyarakat peribumi lain terhadap isu kedudukan kaum Melayu Brunei di bawah kategori bumiputera lain-lain. Dalam persoalan ini,

pengkaji akan cuba menganalisis pandangan daripada ahli jawatankuasa tertinggi Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS), Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah dan individu yang berautoriti untuk mendapatkan penjelasan dan pandangan mereka berhubung isu tersebut.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan tentang identifikasi dan kedudukan masyarakat Melayu Brunei di bawah kategori bumiputera lain dalam laporan banci Sabah. Istilah ini diketahui telah berubah selepas berlaku peralihan kuasa kolonial British kepada kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, perbincangan ini akan menjelaskan kedudukan masyarakat Melayu Brunei di Sabah bermula daripada penguasaan Kesultanan Brunei, *British North Borneo Company* (BNBC), kolonial British sehingga terbentuknya pentadbiran kerajaan Negeri Sabah.

Terdapat empat objektif khusus yang telah dibentuk bagi mencapai matlamat tersebut, Objektif yang pertama adalah untuk menjelaskan asal usul kedatangan masyarakat Melayu Brunei di Sabah sepanjang zaman Kesultanan Brunei dan BNBC. Kedatangan awal masyarakat ini mula bertapak di kawasan Pantai Barat Borneo Utara dan berlaku atas beberapa faktor. Objektif kedua adalah untuk mengkaji identiti masyarakat Melayu Brunei di Sabah adalah berbeza dengan ciri-ciri masyarakat Melayu Brunei di Brunei Darussalam. Konsep identifikasi turut dibincangkan dalam bahagian ini untuk meningkatkan kefahaman terhadap identifikasi masyarakat Melayu Brunei di Sabah.

Objektif ketiga adalah untuk menjelaskan perubahan kedudukan masyarakat Melayu Brunei di Sabah yang telah dirangkumkan di bawah kategori bumiputera lain-lain dalam laporan banci sejak tahun 1960 sehingga tahun 2020. Sebelum kemerdekaan Sabah, masyarakat Melayu Brunei mempunyai pengkategorian tunggal di dalam laporan banci yang bermula pada tahun 1891 sehingga tahun 1960.

Objektif keempat adalah untuk merungkaikan isu dan cabaran berkaitan kedudukan Melayu Brunei di Sabah. Pada bahagian ini juga akan turut dibahaskan berkaitan reaksi masyarakat Melayu Brunei dan masyarakat lain berhubung isu kedudukan Melayu Brunei di dalam kategori bumiputera lain-lain. Reaksi ini adalah berdasarkan kepada perspektif mereka tentang faktor kaum Melayu Brunei dikategorikan di dalam kelompok bumiputera lain-lain.

1.4 Kaedah Kajian

Metode merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam usaha mengumpul maklumat dan data yang diperlukan dalam menjalankan sebuah kajian dan penghasilan sebuah penulisan. Oleh itu, metode yang digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini adalah menerusi kaedah kajian arkib di Arkib Negeri Sabah. Bahan yang terdapat di Arkib Negeri Sabah sangat penting terhadap kajian ini kerana rekod banci pada tahun 1891 sehingga tahun 1960 adalah antara bahan rujukan pengkaji. Bagi rekod banci pada tahun seterusnya iaitu 1971, 1980, 1990, 2000, 2010, dan 2020 pengkaji memperoleh laporan tersebut di Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah atau *Department of Statistics* in Malaysia (DOSM). Di samping itu, pengkaji juga banyak memperolehi data dan maklumat semasa zaman pentadbiran BNBC dan kolonial British di Borneo Utara dari Arkib Negeri Sabah.

Pengkaji turut menggunakan kajian perpustakaan bagi melengkapkan kajian ini. Maklumat dan rujukan yang digunakan oleh pengkaji diperolehi daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Tun Fuad Stephen, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Jabatan Perangkaan Malaysia atau Department of Statistic Malaysia (DOSM), Institut Kajian Pembangunan Sabah dan Perpustakaan Sandakan.

Menerusi kajian ini juga, pengkaji menggunakan kaedah lisan di mana pengkaji akan menemubual beberapa informen. Kaedah lisan ini tertumpu kepada beberapa informen masyarakat Melayu Brunei ditemubual untuk mendapatkan pandangan berkaitan isu status kedudukan ini. Dalam menjawab beberapa